

» **BANK** »
SOALAN
UASA

PENDIDIKAN ISLAM

Tingkatan

3

KSSM

BAHAGIAN A

1. Apakah nama kitab yang diterima oleh Nabi Musa a.s.?

- A** Zabur
- B** Taurat
- C** Injil
- D** Al-Quran

2. Tugas malaikat Izrail ialah _____.

- A** meniup sangkakala
- B** mencatat amalan jahil manusia
- C** mencabut nyawa semua makhluk
- D** menyampaikan wahyu kepada para rasul

3. Siapakah antara berikut bukan rasul ululazmi?

- A** Nabi Isa a.s.
- B** Nabi Musa a.s.
- C** Nabi Adam a.s.
- D** Nabi Muhammad SAW

- Niat
- Menyapu debu tanah ke muka

4. Pernyataan di atas merujuk _____.

- A** syarat tayamum
- B** sunat tayamum
- C** rukun tayamum
- D** sebab tayamum

5. Maksud solat sunat witir ialah _____.

- A** solat sunat selepas maghrib
- B** solat sunat pada waktu tengah malam
- C** solat sunat menghidupkan malam ramadan
- D** solat sunat yang dilaksanakan sebagai penutup solat malam

6. Berikut merupakan najis mutawassitah kecuali _____.

- A** darah
- B** anjing
- C** muntah
- D** bangkai

7. Semua yang berikut merupakan jenis zakat harta kecuali

- A** tanaman dan buah-buahan
- B** haiwan ternakan
- C** galian dan rikaz
- D** fitrah

- Kurang didikan agama
- Pengajaran agama di sekolah kurang dihayati oleh murid
- Pengaruh rakan sebaya yang negatif

8. Pernyataan di atas merujuk _____.

- A** akibat tidak beradab kepada ibu bapa
- B** punca penderhakaan kepada ibu bapa
- C** kepentingan beradab kepada ibu bapa
- D** maksud penderhakaan kepada ibu bapa

9. Apakah maksud mudghah?
- A Seketul daging yang lembut
 - B Seketul tulang yang lembut
 - C Segumpal darah yang tergantung di dalam dada
 - D Segumpal darah yang tergantung di dalam rahim
10. Apakah solat sunat yang dilakukan sebaik sahaja memasuki masjid?
- A Solat sunat hajat
 - B Solat sunat qabliah
 - C Solat sunat ba'diah
 - D Solat sunat tahiyatul masjid
11. Berikut merupakan asnaf zakat kecuali _____.
- A fakir miskin
 - B amil
 - C mualaf
 - D anak yatim
12. Berikut merupakan cara rasulullah membina asas negara Madinah sebagai negara Islam pertama yang kuat kecuali
- A membina masjid
 - B mempersaudarakan muhajirin dan ansar
 - C menggubal Perjanjian Aqabah
 - D menggubal Piagam Madinah
13. Antara berikut, yang manakah bukan alat-alat beristinjak?
- A Air mutlak
 - B Kertas
 - C Najis kering
 - D Kain
14. Apakah maksud bagi nama Allah Al-Musawwir?
- A Allah Maha Esa
 - B Allah Maha Melihat
 - C Allah Maha Mencipta
 - D Allah Maha Penyayang
15. Pernyataan di atas merujuk _____.
- A al-Quran
 - B suhuf
 - C hadis qudsi
 - D hadis nabawi

- Terpelihara sehingga hari kiamat.
- Kalam Allah yang mengandungi hukum dasar, kata-kata hikmah dan pengajaran kepada manusia.

16. Pernyataan di atas merujuk _____.
- A keistimewaan al-Quran
 - B tujuan al-Quran diturunkan
 - C penemuan sains dalam al-Quran
 - D maksud beriman kepada al-Quran

17. Sahabat yang tidur di tempat tidur Rasulullah SAW pada malam peristiwa hijrah ialah _____.
- A Abu Salamah bin Abdul Rahman
 - B Sayidina Umar bin al-Khattab
 - C Sayidina Abu Bakar al-Siddiq
 - D Sayidina Ali bin Abi Talib
18. Sayidina Abu Bakar as-Siddiq merupakan khalifah yang _____ daripada Khulafa ar-Rasyidin.
- A pertama
 - B kedua
 - C ketiga
 - D keempat
19. Semua yang berikut merupakan cara menyuburkan sifat berkasih sayang yang diredai Allah kecuali
- A saling menolong ke arah kebaikan
 - B bersangka baik
 - C sentiasa merendah diri
 - D memberi hadiah yang mahal untuk menunjuk-nunjuk
20. Antara berikut, yang manakah adab berkomunikasi dalam Islam?
- I Tidak melalaikan daripada melakukan ibadat
 - II Menggunakan bahasa yang sopan
 - III Menggunakan gajet pada setiap masa
 - IV Suka bergosip dan mengadu domba
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
21. Pengucapan kalimah _____ adalah merupakan tunjang utama akidah Islam.
- A basmalah
 - B syahadah
 - C selawat
 - D istiazah
22. Menguruskan rezeki dan menumbuhkan tanaman adalah tugas malaikat _____.
- A Jibrail
 - B Israfil
 - C Izrail
 - D Mikail
23. Antara berikut adalah tujuan al-Quran diturunkan kecuali _____.
- A dalil 25 orang rasul adalah utusan Allah
 - B petunjuk kepada orang yang bertakwa
 - C bukti kerasulan Nabi Muhammad SAW
 - D mukjizat kepada Rasulullah SAW
24. Para rasul semuanya bersifat tabligh, iaitu _____.
- A terpelihara daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah
 - B bijaksana semasa berdakwah
 - C menyampaikan semua ajaran Allah yang diwahyukan kepada mereka
 - D benar dalam percakapan dan perbuatan

25. Semua para rasul dipelihara oleh Allah daripada melakukan dosa kecil atau dosa besar yang merujuk kepada _____.
- A mukjizat
 - B maksum
 - C ululazmi
 - D ismaturasul
26. _____ digelar sebagai Abu al-Anbia.
- A Nabi Nuh a.s.
 - B Nabi Ayub a.s.
 - C Nabi Ibrahim a.s.
 - D Nabi Saleh a.s.
27. Darah, muntah, nanah dan air kencing adalah contoh najis _____.
- A mutawassitah
 - B mughallazah
 - C mukhaffafah
 - D mustakmal
28. Batu atau benda kesat digunakan untuk _____.
- A istinjak
 - B tayamum
 - C qada hajat
 - D samak
29. Penggunaan tisu basah untuk beristinjak adalah _____.
- A sah
 - B tidak sah
 - C harus
 - D makruh
30. Antara berikut, yang manakah syarat sah solat Jumaat?
- I Didirikan secara berjemaah
 - II Didirikan di surau atau padang
 - III Diakhiri dengan dua khutbah
 - IV Didirikan dalam waktu zohor
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
31. Rashid telah melecur kedua belah tangannya akibat terkena air panas. Setelah masuk waktu zohor beliau telah bertayamum bagi menunaikan solat fardu zohor. Apakah hukum solat beliau?
- A Harus
 - B Sunat
 - C Makruh
 - D Haram
32. Berikut adalah peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW sebelum kerasulan baginda kecuali
- A berdagang ke Syam
 - B berkahwin dengan Siti Khadijah
 - C peristiwa israk dan mikraj
 - D peristiwa perletakan hajarulaswad

33. Antara berikut, yang manakah bukan strategi dakwah Rasulullah SAW secara terang-terangan?
- A Ucapan awam
 - B Mencari sokongan
 - C Mengadakan jamuan
 - D Mengharungi peperangan
34. Berikut adalah bentuk penentangan terhadap dakwah Rasulullah SAW yang dilakukan oleh musyrikin Mekah kecuali
- A menyeksa umat Islam
 - B bertemu Abd Mutalib
 - C pemulauan
 - D kompromi
35. Siapakah tokoh yang berketurunan bangsawan Quraisy daripada Bani Asad?
- A Sayidatina Fatimah r.a.
 - B Sayidatina Khadijah r.a.
 - C Sayidatina Aisyah r.a.
 - D Sayidatina Sumayyah r.a.
36. Peristiwa pembukaan kota Mekah memberi pengajaran kepada umat Islam supaya _____.
- I mencari teman yang soleh dan ikhlas membantu
 - II memaafkan kesalahan orang lain
 - III melakukan sesuatu kerja dengan secara terancang
 - IV mengutamakan kesucian akidah dan keselamatan nyawa
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
37. Antara berikut adalah sifat kasih sayang yang diredai oleh Allah SWT kecuali
- A menyayangi harta benda dan keturunan
 - B mencintai Allah dan rasul
 - C mengasihi ibu bapa, adik beradik dan kaum kerabat
 - D menyayangi saudara seagama
38. Umat Islam diwajibkan agar berbuat baik kepada jirannya, iaitu orang yang tinggal berdekatan sehingga _____ buah rumah dari setiap penjuru.
- A 10
 - B 20
 - C 40
 - D 50
39. Salah satu adab apabila masuk ke masjid adalah dengan membaca _____ ketika melihat masjid.
- A basmalah
 - B selawat
 - C zikir
 - D al-Quran
- Sentiasa bertawakal kepada Allah
 - Seorang yang pemurah
40. Pernyataan di atas adalah berkaitan ciri-ciri orang yang _____.
- A tawaduk
 - B qanaah
 - C warak
 - D bersyukur



BAHAGIAN B

1. (a) Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمُوتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾ وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾ أُولَٰئِكَ جَزَاؤُهُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

(Surah ali-Imran: 133 – 136)

Ayat di atas menjelaskan Allah SWT Maha Pengampun segala dosa.
Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

beruntung	sentiasa	diri sendiri	dosa	sering
-----------	----------	--------------	------	--------

- Melakukan dosa suatu kezaliman terhadap _____.
- Umat Islam wajib memohon keampunan daripada Allah atas _____ yang dilakukan.
- Orang yang mendapat keampunan Allah ialah orang yang _____.
- Allah _____ menerima taubat hamba-Nya yang menyesal atas dosa yang dilakukannya. [4 markah]

- (b) Umat Islam dilarang berputus asa daripada memohon rahmat keampunan Allah SWT.
Nyatakan cara bertaubat yang dituntut dalam Islam.

[2 markah]

Rasulullah SAW bersabda: "Doa adalah senjata bagi orang-orang mukmin, tiang bagi agama, dan nur bagi langit dan bumi."

(Riwayat al-Hakim)

- (c) Berdasarkan maksud hadis di atas, bincangkan kesan sekiranya kita mengabaikan tuntutan berdoa memohon keampunan dan rahmat daripada Allah SWT.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لَئِن لَّهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ
وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

(Surah ali-Imran: 159)

Ayat di atas menjelaskan tuntutan mencontohi sifat-sifat mulia Rasulullah SAW.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

lemah lembut	mendoakan	diampuni	memaafkan	bermesyuarat
--------------	-----------	----------	-----------	--------------

- (i) Rasulullah SAW seorang yang _____.
- (ii) Rasulullah SAW _____ perbuatan penduduk Mekah yang pernah mencaci dan menghina baginda.
- (iii) Rasulullah SAW selalu _____ umatnya agar diampuni oleh Allah SWT.
- (iv) Rasulullah SAW sentiasa _____ agar keputusan yang terbaik dapat diperolehi.

[4 markah]

(b) Nyatakan pengajaran ayat yang anda perolehi daripada ayat di atas.

[2 markah]

Rasulullah SAW bersabda: "Setiap umatku akan memasuki syurga melainkan mereka yang enggan." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, lantas siapakah yang enggan?" Nabi SAW menjawab: "Sesiapa yang taat kepadaku akan memasuki syurga dan sesiapa yang mengingkariku bererti dia enggan masuk syurga."

(Riwayat al-Bukhari)

(c) Berdasarkan maksud hadis di atas, bincangkan iktibar yang boleh diambil.

[4 markah]




3. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَفَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

(Muttafaq Alaih)

Hadis di atas menerangkan tuntutan mencari sesuatu yang halal.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

(b) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Tahap keimanan seseorang berkait rapat dengan sifat malu. Malu yang menepati kehendak syarak dan membawa kebaikan.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]


4. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ، وَتُمِيطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ.

(Muttafaq Alaih)

Hadis di atas menerangkan tuntutan bersedekah dalam Islam.

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

(b) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Kita hendaklah berusaha mencapai kecemerlangan dalam segala bidang kerana yakin Allah SWT mengurniakan kejayaan bagi orang yang berusaha.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]


BAHAGIAN C

5. (a) Tuliskan (Hissiyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan Hissiyah dan (Maknawiyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan Maknawiyah.

(i) Al-Quran yang sentiasa membuktikan kebenaran Rasulullah SAW dan ajaran Islam.

(ii) Seekor unta yang sempurna sifatnya keluar daripada batu.

(iii) Tongkat Nabi Musa a.s. bertukar menjadi ular yang besar.

(iv) Peristiwa Israk dan Mikraj.

[4 markah]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Daud a.s. dalam bahasa (Siryani / Ibrani).

(ii) Kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Musa a.s. dalam bahasa (Siryani / Ibrani).

(iii) Kitab Injil diturunkan kepada Nabi Isa a.s. dalam bahasa (Siryani / Ibrani).

(iv) Kitab al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa (Siryani / Arab).

[4 markah]

(c) Apakah penemuan sains dalam al-Quran?

[2 markah]

Kes buang bayi: Remaja perempuan, bapa, teman lelaki ditahan

KUALA LUMPUR: Seorang remaja perempuan dan teman lelakinya yang masing-masing berusia 17 tahun ditahan susulan penemuan mayat bayi di rumah sampah sebuah kuarters penjawat awam di Presint 18, Putrajaya dekat sini, semalam.

(Berita Harian, Jumaat, 8 Februari 2019)

(d) Berdasarkan keratan akhbar di atas, bincangkan usaha yang akan anda lakukan untuk mencegah diri sendiri dan kawan-kawan daripada terjebak dalam gejala tersebut.

[4 markah]

(e) (i) Nyatakan maksud Al-Qawiy dari segi istilah.

[2 markah]

(ii) Beriman kepada qadak dan qadar adalah percaya bahawa hanya Allah SWT yang menentukan setiap perkara yang berlaku kepada makhluk dengan ilmu dan kehendak-Nya. Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah cara untuk menunjukkan tanda beriman kepada qadak dan qadar apabila ditinggalkan orang yang tersayang? Huraikan.

[4 markah]

6. (a) Tuliskan (Ululazmi) pada pernyataan yang berkaitan dengan ululazmi dan (Bukan ululazmi) pada pernyataan yang berkaitan dengan bukan ululazmi.

(i) Nabi Nuh berdakwah selama 950 tahun.

(ii) Nabi Ayub diuji dengan kehilangan harta dan sakit yang lama.

(iii) Nabi Sulaiman boleh menguasai angin, jin dan haiwan.

(iv) Nabi Ibrahim dijatuhkan hukuman bakar oleh Namrud.

[4 markah]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Sifat wajib bagi rasul ialah (kizbun / siddiq).

(ii) (Baligh / Fatanah), iaitu para rasul bersifat menyampaikan semua ajaran Allah yang diwahyukan kepada mereka.

(iii) (Kitman / Baladah), iaitu menyembunyikan wahyu walaupun sedikit.

(iv) (Basyariyah / Amanah) ialah sifat harus bagi rasul.

[4 markah]

(c) Apakah hikmah rasul dipilih dalam kalangan manusia?

[2 markah]

- (d) Al-Quran ialah mukjizat maknawiyah, iaitu mukjizat yang difahami dengan pemikiran dan pemerhatian berdasarkan ilmu.
Bincangkan usaha yang anda lakukan untuk menunjukkan tanda beriman dengan kitab al-Quran dalam kehidupan seharian.

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan maksud syurga.

[2 markah]

- (ii) Beriman dengan hari akhirat merupakan salah satu daripada rukun Iman.
Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda.

[4 markah]

BAHAGIAN D

7. (a) (i) Nyatakan **dua** jenis puasa wajib.

1. _____
2. _____

[2 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Barang siapa yang menggali kubur untuk jenazah, kemudian dia masukkan jenazah tadi ke dalam kubur, maka pahalanya akan mengalir."*
(Riwayat al-Hakim)

(ii) Berdasarkan maksud hadis di atas, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memenuhi tuntutan hadis di atas.

[4 markah]

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Tidak sah	Harus	Sah	Wajib	Sunat
-----------	-------	-----	-------	-------

- (i) Menyembahyangkan jenazah. _____
- (ii) Solat secara duduk ketika sakit dan tidak mampu berdiri. _____
- (iii) Solat sunat rawatib selepas solat zohor. _____
- (iv) Melakukan solat jamak takhir dalam waktu asar ketika bermusafir. _____

[4 markah]

(c) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai beristinja.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
(i)	Istinjak dari segi bahasa ialah selamat daripada bahaya.	
(ii)	Cara paling afdal beristinja adalah dengan menggunakan air mutlak.	
(iii)	Beristinja boleh menggunakan kulit kayu ketika berkhemah.	

[3 markah]

(d) Terangkan **dua** kepentingan beristinja dalam Islam.

- (i) _____
- (ii) _____

[4 markah]

(e) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Nisab bagi kambing adalah sebanyak (35 / 40) ekor.
- (ii) Nisab bagi lembu adalah sebanyak (30 / 35) ekor.
- (iii) Nisab bagi unta adalah sebanyak (5 / 10) ekor.

[3 markah]



8. (a) (i) Nyatakan **dua** kewajipan yang perlu dilakukan terhadap jenazah.

1. _____
2. _____

[2 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya umatku akan dipanggil pada hari Kiamat dengan dahi, tangan dan kaki yang berseri-seri disebabkan daripada kesan-kesan wuduk. Barang siapa yang mampu daripada kalangan kamu untuk melebihkan dahinya maka lakukanlah ia."

(Riwayat al-Bukhari)

(ii) Berdasarkan hadis di atas, bincangkan kepentingan berwuduk terhadap jasmani dan rohani.

[4 markah]

(b) Pilih hukum yang betul berdasarkan pernyataan di bawah.

Tidak sah	Haram	Sah	Wajib	Makruh
-----------	-------	-----	-------	--------

- (i) Menggunakan air secara berlebih-lebihan ketika berwuduk. _____
- (ii) Tidur dengan cara tidak tetap punggung ke lantai ketika dalam keadaan berwuduk. _____
- (iii) Buang najis kemudian renjis air pada tempat terkena najis mukhaffafah. _____
- (iv) Niat berwuduk ketika membasuh muka. _____

[4 markah]

(c) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai ibadat solat.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
(i)	Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram ialah sunat hai'ah.	
(ii)	Menyebut amin selepas membaca surah al-Fatihah ialah sunat hai'ah.	
(iii)	Membaca doa iftitah ialah sunat ab'adh.	

[3 markah]



(d) Terangkan **dua** akibat buruk jika seseorang meninggalkan ibadat solat dalam Islam.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

(e) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Taharah dari segi bahasa bermaksud suci dan (segar / bersih).
(ii) Alat-alat yang digunakan untuk bersuci terbahagi kepada (2 / 3) jenis.
(iii) Air mustakmal ialah air yang (tidak suci / suci) tetapi tidak boleh digunakan untuk bersuci.

[3 markah]


BAHAGIAN E

9. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Dakwah Rasulullah SAW		
(i) Bentuk-bentuk dakwah: _____ _____ _____ _____	(ii) Strategi dakwah: _____ _____ _____ _____	(iii) Hikmah strategi dakwah: _____ _____ _____ _____

[3 markah]

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai Sayidina Umar bin al-Khattab.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Sayidina Umar seorang yang berperwatakan keras, suka beradu kekuatan, dan sangat cekap menunggang kuda.	
(ii)	Sayidina Umar pandai menulis dan membaca sehingga beliau dilantik menjadi penulis wahyu.	
(iii)	Sayidina Umar seorang sahabat yang sangat berani.	

[3 markah]

- (c) Sayidina Umar bin al-Khattab memerintah kerajaannya sehingga zaman tersebut digelar sebagai zaman perluasan wilayah Islam.

Terangkan **empat** sumbangan Sayidina Umar semasa pemerintahannya.

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

[4 markah]

(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

mengungkit	dendam	melepaskan	baik	diminta
------------	--------	------------	------	---------

- (i) Pemaaf ialah _____ seseorang daripada kesalahan dan membebaskan daripada hukuman.
- (ii) Kita hendaklah bersangka _____ terhadap orang yang memohon keampunan.
- (iii) Kita hendaklah mengelakkan diri daripada bersikap _____.
- (iv) Kita dituntut memaafkan kesalahan tanpa _____.

[4 markah]

Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu melihat kepada seseorang yang diberikan kelebihan pada harta dan fizikal, maka hendaklah dia melihat kepada seseorang yang lebih rendah (atau kurang) daripadanya."*

(Riwayat al-Bukhari)

(e) Berdasarkan maksud hadis di atas, bagaimanakah anda menunjukkan kesyukuran ke atas nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT? Bincangkan.


[4 markah]

(f) Terangkan **dua** ciri sifat qanaah.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

10. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai Rasulullah SAW.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
(i)	Rasulullah SAW telah mempersaudarakan muhajirin dan kaum Quraisy dalam ikatan Islam.	
(ii)	Orang Muhajirin yang memberikan pelbagai bantuan seperti tempat tinggal dan harta.	
(iii)	Rasulullah SAW membuat perjanjian dengan kaum Yahudi yang tinggal di Madinah.	

[3 markah]

- (c) Asas dakwah Rasulullah SAW ialah usaha menyeru manusia supaya menyembah Allah SWT. Terangkan **empat** contoh Rasulullah SAW menjadi pengikat hubungan antara manusia dengan Allah SWT.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

- (d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

melalaikan	kemesraan	perhubungan	ilmu pengetahuan	pangkat
------------	-----------	-------------	------------------	---------

- (i) Maksud komunikasi pada bahasa ialah _____.
- (ii) Adab berkomunikasi ialah tidak _____ daripada melakukan ibadat dan tanggungjawab.
- (iii) Hikmah beradab ketika berkomunikasi ialah meningkatkan _____ agar dapat membezakan antara baik dengan buruk.
- (iv) Hikmah beradab ketika berkomunikasi terhadap masyarakat ialah menimbulkan _____ dan mengukuhkan perpaduan kerana saling bertoleransi.

[4 markah]

Daripada Abu Hurairah diriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Siapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau ia diam."

(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

- (e) Bagaimanakah anda dapat mengambil pengajaran daripada tuntutan hadis di atas? Huraikan.

[4 markah]

- (f) Jelaskan **dua** prinsip komunikasi dalam Islam.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]